



KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

CLASSIC PALM OIL MILL SDN BHD

(NO. SYARIKAT: 923386-T / 201001039462)

29 Mac 2024– Classic Palm Oil Mill Sdn Bhd merupakan premis pembuatan minyak sawit mentah di atas **Lot 514 & 515, Kampung Tiong, 73400 Gemas, Daerah Tampin** di dalam negeri **Negeri Sembilan**.

2. Pada **21 Januari 2021** pada jam sekitar **12.10 tengahari** hingga **3.10 petang**, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan di tapak dijalankan didapati :-

- i) gagal melaporkan kepada KPAS dalam tempoh 1 jam abila berlakunya kegagalan pengendalian sistem kawalan pencemaran udara merujuk kepada Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014;
- ii) gagal menjalankan pemantauan prestasi sistem kawalan pencemaran udara merujuk kepada Peraturan 9(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan

- iii) gagal mematuhi syarat Lesen Pelanggaran bagi pelepasan asap hitam dari cerobong melebihi kelegapan no. 2 dalam Carta Ringelmann merujuk kepada Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

4. Diakhir kes pembelaan tersebut, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes. Pihak OKS hadir yang diwakili oleh Hidayah binti Md. Said selaku Jurutera premis. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Muhammad Fitri bin Soroni dan Zainoorliza binti Zainal Abidin.

3. Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Diana binti Md. Razali telah mensabitkan ketiga-tiga kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut. Premis telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 55,000.

6. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

- i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)
- ii. Call centre 1-800-88-2727
- iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 29 MAC 2024